

Pelaksanaan GST positif untuk jangka panjang

← Dari Ms.B1

“Walaupun mendapat bantahan daripada orang ramai, kami sungguh percaya bahawa pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) serta usaha mengurangkan kebergantungan daripada hasil minyak adalah positif untuk kemampanan fiskal jangka panjang negara,” kata firma penyelidikan itu.

Kementerian Kewangan dalam kenyataannya berkata, paras hutang Malaysia berbanding KDNK dijangka dapat dikurangkan daripada 54.5 peratus pada 2015 kepada 53 peratus tahun ini disebabkan proses pengukuhan fiskal dan pemindahan sebahagian hutang perumahan kakitangan awam kepada Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam.

MIDF Research berkata, had siling hutang 55 peratus tidak pernah dinyatakan dalam sebarang akta dan berbeza dengan Amerika Syarikat (AS), had siling Malaysia itu sebenarnya bukanlah satu mandatori.

Ia menjelaskan, had hutang itu tidak dikawal oleh mana-mana akta malah ia ditetapkan sendiri oleh Kementerian Kewangan atau dalam perkataan lain, tiada kelulusan Parlimen diperlukan jika ada keperluan untuk kerajaan menaikkan had hutangnya di atas paras 55 peratus.

“Justeru, tidak akan berlaku situasi di mana kerajaan perlu ‘ditutup’ disebabkan ketidakupayaan untuk membiayai operasinya, memandangkan Kementerian Kewangan bebas untuk menyemak semula had hutang jika dirasakan wajar.

Salah faham

“Ada salah faham dalam kalangan orang ramai bahawa jika had 55 peratus itu dilepasi secara teorinya akan menyebabkan kerajaan diisytiharkan bankrap, itu sebenarnya tidak benar,” katanya.

Firma penyelidikan itu berkata, paras sebenar hutang kerajaan masih jauh daripada had yang ditetapkan. Malah, perlu diketahui bahawa had itu hanya membabitkan Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS), Terbitan Pelaburan Kerajaan (GII) dan bil perbendaharaan Islam (MITB).

Dengan definisi itu, ia berkata paras hutang negara setakat akhir tahun lalu hanyalah 48.3 peratus daripada KDNK, masih jauh daripada had siling hutang 55 peratus yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.

“Justeru, walaupun kerajaan melepasi paras hutang berbanding had 55 peratus, penarafan kredit kerajaan tetap tidak akan berlaku,” katanya.

Ahli Ekonomi di United Overseas Bank (Malaysia) Bhd, Julia Goh, pula berkata langkah pembaharuan fiskal seperti GST dan rasionalisasi subsidi berjaya membantu menghadkan defisit fiskal kerajaan.

Katanya, hutang awam adalah stabil pada 54.5 peratus daripada KDNK dan hutang jaminan kerajaan pada 15.4 peratus daripada KDNK yang meletakkan hutang kerajaan digabungkan di bawah 70 peratus.

“Pasaran baharu muncul dengan hutang awam yang lebih rendah, kawalan modal yang lebih ketat dan rizab pertukaran asing yang lebih tinggi biasanya mengalami perubahan kecil dalam aliran modal,” katanya.